


Headline	MERCU TANDA BAHARU TNB		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	18 Jan 2020	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Setempat	Page No	15
ArticleSize	832 cm ²	Journalist	SURAYA ROSLAN
PR Value	RM 98,327		



KOMPLEKS Balai Islam An-Nur memenuhi aspek Indeks Bangunan Hijau.



KAWASAN wuduk yang luas.

KOMPLEKS BALAI ISLAM AN-NUR

Ketinggian kubah **7.4m**

Diameter kubah **20m**

Ketinggian menara **50m**

Diameter menara **3m**

Kontraktor **Malaysian Resources Corp Bhd**

Tarikh mula pembinaan **September 2017**

Tarikh mula digunakan **20 Ogos 2019**

Kapasiti jemaah **2,850 orang**

Parkir **236 kereta, 235 motosikal (177 parkir luar)**

berkapasiti 236 lot serta kafeteria dan juga kemudahan pengurusan jenazah," katanya.

Menurutnya, sebagai peneraju dalam industri tenaga, TNB menekankan agenda pelestarian alam sekitar dengan menerapkan pelbagai teknologi mesra alam pada binaan kompleks Balai Islam yang menjadikan sebuah bangunan memenuhi kriteria GBL.

"Keseluruhan kompleks ini dilengkapi lampu menggunakan mentol jimat tenaga, pemasanang paip aliran rendah bagi penjimatan air dan penggunaan sistem siphonik bagi aliran air dari bumbung yang efisien," katanya.

Fajuri berkata,

pengurusan TNB turut memberi peluang kepada tenaga kerja membuat pelaburan akhirat apabila meluluskan tabung infaq bagi membina kompleks berkenaan.

"Dalam tempoh enam bulan sebanyak RM500,000 terkumpul hasil sumbangan infaq tenaga kerja TNB seluruh negara.

"Harapan saya, kompleks Balai Islam ini menjadi pusat ilmu dan ibadah dengan kehadiran anggota kerja mengimarahkan masjid," katanya.

MERCU TANDA BAHARU TNB

Kompleks Balai Islam An-Nur berkonsepkan teknologi mesra alam dan moden

Oleh Suraya Roslan
suraya@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kompleks Balai Islam An-Nur milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) berkonsepkan teknologi mesra alam dan moden antara mercu tanda baru Ibu Pejabat TNB.

Memenuhi aspek Indeks Bangunan Hijau (GBI),

kompleks itu menggunakan lampu *façade* di kubah yang boleh diprogramkan serta dilengkapi sistem penuaan air hujan untuk menakung air wuduk.

Kelmarin, Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad merasmikan kompleks yang bina di atas tanah seluas 2.83 hektar itu sempena ulang tahun ke-70 TNB pada 1 September lalu.

Kompleks Balai Islam

baru itu dibina bagi menggantikan Balai Islam lama yang dibuka pada 1971. Ia selaras dengan hasrat TNB untuk terus menjadi komuniti korporat prihatin selain membuka pintu perkongsian kemudahan dengan masyarakat sekitar Lembah Pantai.

Ketua Unit Hal Ehwal Islam TNB, Fajuri Mamat berkata, konsep pembinaan Kompleks Balai Islam

An-Nur berdasarkan prinsip kesederhanaan, inklusif dan menghormati alam sekitar.

"Seni binanya kontemporari, elegan namun tidak terlalu sarat dengan hiasan terserah pada rekaan kubah, menara dan dewan solat."

"La interpretasi moden sebuah masjid tradisional dilengkapi saiz tangki untuk sistem penuaan air

hujan sebanyak 184 meter padu," katanya ketika ditemui Harian Metro.


Katanya, kompleks tiga tingkat lengkap dengan lif itu mempunyai tiga ruang solat yang boleh memuatkan 2,850 jemaah dalam satu-satu masa.

"Di ruang solat utama mampu menampung 1,300 jemaah, ruang tanpa tiang pun 1,050 jemaah, 250 untuk ruang Muslimat (aras mezanin) dan 1,550 lagi di ruang solat tambahan."

"Selain ruang solat, kompleks ini juga menempatkan pejabat dan kuarters kakitangan Unit Hal Ehwal Islam TNB, dewan seminar dan ruang letak kendaraan dua tingkat



ANTARA hiasan di dalam Kompleks Balai Islam An-Nur, Bangsar.



RUANG solat utama mampu menampung 1,300 jemaah.